



Lengkapkan surat di bawah dengan perkataan yang sesuai. **3.3.4**

kerana

untuk

kepada

bertunas

dan

menanam

menikmati

apabila

yang

daripada

No. 11, Jalan Anggerik,
Taman Segar,
56000 Kuala Lumpur.
20 Mac 2017.

Menemui nenda yang berada di Kampar, Perak. Semoga nenda sihat sejahtera.

Nenda,

Tujuan cucunda menulis surat ini adalah (1) _____ bercerita tentang aktiviti berkebun sayur. Aktiviti ini cucunda lakukan bersama-sama keluarga. Benih-benih sayur (2) _____ diberikan oleh nenda (3) _____ kami tempoh hari telah kami semai. Benih-benih itu telah (4) _____ dan tumbuh menjadi anak pokok.

Cucunda dan keluarga telah (5) _____ anak-anak pokok itu di atas batas di tepi rumah kami. Kami mengikut nasihat (6) _____ panduan yang diberikan oleh nenda. Cucunda berasa sangat gembira (7) _____ tanaman kami itu mula mengeluarkan hasil. Kami dapat (8) _____ sayuran yang segar dari kebun kami sendiri.

Sekian dahulu coretan cucunda buat kali ini. Cucunda akan menulis lagi (9) _____ ada kesempatan. Sambutlah salam kasih sayang (10) _____ cucunda.

Cucunda,